Bahagian A
[60 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*

1. (a) Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan di bawah.


Kedai Jahit Sheila telah membeli sebuah mesin jahit dengan harga RM1 800 pada 1 Mac 2025. Nilai pasaran mesin jahit tersebut telah jatuh kepada RM950 pada 28 Februari 2026.

(i) Berapakah nilai mesin jahit yang akan direkod pada 28 Februari 2026?

(ii) Konsep perakaunan yang manakah dipatuhi dalam situasi di atas?

[2 *markah*]

(b) Berikut adalah satu carta alir urus niaga bagi Pro Teen Enterprise.



Nyatakan dokumen bagi **P** dan **Q**.

[2 *markah*]

(c) Rekodkan urus niaga berikut bagi Optometris Rajwan ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

Pada 1 Januari 2025, pemilik mengambil cermin mata berjenama Elvy bernilai RM830 untuk dihadiahkan kepada isteri.

[2 *markah*]

(d) Puan Mas ialah seorang peniaga yang mengamalkan sistem perekodan tunggal. Beliau telah menggunakan penyata berikut untuk mencari modal akhir perniagaan.

Penyata Mengira Modal pada 30 April 2026

	RM
X	20 000
Tolak : **Y**	5 000
Modal Akhir	15 000

Apakah butir **X** dan **Y**

[2 *markah*]

(e) Nyatakan dua kepentingan dalam menyediakan Belanjawan Tunai

[2 *markah*]

2. Suri dan Seri adalah pekongsi dalam Perkongsian SARI yang menjalankan perniagaan Frozen Mart di Kepala Batas.

Pada 30 Jun 2025, maklumat berikut diperoleh daripada buku perkongsian.

	RM
Modal 1 Julai 2024	
Suri	60 000
Seri	50 000
Akaun Semasa 1 Julai 2024:	
Suri	(2 500)
Seri	3 200
Ambilan	
Suri (1 Januari 2025)	1 000
Seri (30 September 2024)	2 000
Gaji Suri	15 000
Gaji Seri	20 000
Lengkapan	19 600
Kenderaan (Kos)	50 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	5 000
Bank	38 700
Inventori	22 350
Akaun Belum Terima	6 700
Akaun Belum Bayar	8 940
Komisen diterima	390
Peruntukan hutang ragu	320
Promosi	1 280
Insurans	4 000
Sewa	16 500
Angkutan keluar	290
Kadar bayaran	3 900
Untung kasar	91 401

Perjanjian Perkongsian telah menetapkan perkara-perkara berikut:

(i) Faedah atas ambilan pekongsi 5% setahun

(ii) Faedah atas modal pekongsi 6% setahun

(iii) Gaji tahunan Suri RM18 000 dan Seri RM24 000

(iv) Bonus tahunan setiap pekongsi RM2 000

(v) Untung atau rugi pekongsi dibahagi antara Suri dan Seri mengikut nisbah 2:1

Maklumat tambahan:

(i) Insurans prabayar RM300.

(ii) Sewa belum bayar RM1 500.

(iii) Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya berjumlah RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

(iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 4% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

(v) Kadar susut nilai:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Lengkapan	5%	atas kos
kenderaan	10%	baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [7 *markah*]

(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [6 *markah*]

(c) Akaun Semasa Pekongsi [10 *markah*]

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (petikan Ekuiti Pemilik) [2 *markah*]

3. Imbangan Duga berikut diambil daripada Teguh Bina Enterprise yang telah menjalankan perniagaan menjual simen di Padang Rengas, Perak.

Teguh Bina Enterprise
Imbangan Duga pada 30 September 2025

	Debit RM	**Kredit RM**
Premis	124 000	
Kenderaan	50 000	
Perabot	12 600	
Belian dan Jualan	73 969	155 684
Pulangan masuk	1 880	
Gaji	21 500	
Inventori pada 1 Oktober 2024	35 110	
Insurans	5 200	
Kadar bayaran	4 430	
Hutang lapuk	2 920	
Susut nilai terkumpul perabot		3 000
Akaun Belum Bayar		13 200
Akaun Belum Terima	25 600	
Ambilan	6 500	
Modal		159 145
Belanja penyelenggaraan premis	17 565	
Peruntukan hutang ragu		425
Pinjaman 5%		78 000
Angkutan masuk	1 400	
Tunai	800	
Bank	25 980	
	409 454	409 454

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Kawalan Belum Terima [7 *markah*]

(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [7 *markah*]

(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Megah Sdn Bhd dan Jaya Sdn Bhd yang telah menjalankan perniagaan menjual minuman bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.

Megah Sdn Bhd	
Nisbah Semasa	3:1
Kadar Pusing Ganti Inventori	20 kali

Jaya Sdn Bhd	
	RM
Lengkapan	100 000
Jualan (70% merupakan jualan kredit)	66 530
Inventori 1 September 2024	1 050
Inventori 31 Ogos 2025	3870
Akaun Belum Terima	1 220
Sewa prabayar	1 360
Akaun Belum Bayar	2 230
Overdraf Bank	1 630
Kadar bayaran belum bayar	440
Untung Kasar	11 650

Anda dikehendaki menghitung nisbah berikut bagi Jaya Sdn Bhd.

(i) Nisbah Semasa [2 *markah*]

(ii) Kadar pusing ganti inventori dalam sebutan kali [2 *markah*]

(iii) Perniagaan yang manakah lebih cekap dalam menguruskan inventori? Berikan alasan anda. [2 *markah*]

Skema Kertas 2

1. (a) (i) RM1 800 1

(ii) Prinsip kos 1

(b) P : Nota kredit 1

Q : Resit rasmi 1

(c)

Tarikh	Butir	Debit	Kredit	
2025				
Jan 1	Ambilan	830		1
	Belian		830	1

(d) X : Aset 1

Y : Liabiliti 1

(e)
- Merancang dan mengawal penerimaan dan pembayaran tunai. 1
- Mengenalpasti kecairan tunai 1
- Mengawal penerimaan dan pembayaran tunai
- Mencari sumber tambahan untuk menampung kekurangan tunai
- Mengurus perbelanjaan mengikut keutamaan
- Rujukan untuk permohonan pinjaman

- Mana-mana 2 jawapan yang betul

2 (a)

Perkongsian SARI
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

	RM	RM	
Untung kasar		91 401	
(+) Hasil:			
Komisen diterima		390	
Hutang Ragu		68	(1)
		91 859	
(-)Belanja			
Angkutan keluar	290		
Insurans (4 000 – 300)	3 700		(1)
Kadar bayaran	3 900		
Sewa (16 500 + 1 500)	18 00		(1)
Promosi	1280		
Hutang lapuk	400		(1)
Susut nilai lengkapan (19 600 x 5%)	980		(1)
Susut nilai kenderaan (50 000 – 5 000 x 10%)	4 500		(1)
		33 050	
Untung bersih		58 809	(1of +w)

(7 markah)

2 (b)

Perkongsian SARI
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

	RM	RM	
Untung bersih		58 809	(1)
(+) Faedah atas ambilan (25 + 75)		100	(1)
		58 909	
(+) Faedah atas modal (3 600+ 3 000)	6 600		(1)
Gaji pekongsi (18 000 + 24 000)	42 000		(1)
Bonus (2 000 + 2000)	4 000		(1)
		52 600	
		6 309	
Tolak:			
Akaun Semasa Suri (6 309 x 2/3)	4 206		
Akaun Semasa Seri (6 309 x 1/3)	2 103		1 of fb)
		6 309	
		0	

(6 markah)

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta